



PENGARAH Skuba Kanak-Kanak, Syed Abd Rahman (kanan) memberi taklimat kepada Nur Damia Irsalina.

IMPLAN DAMIA TERCAPAI

■ Kanak-kanak istimewa serta Program Selam Skuba Golongan OKU UMT, Diveheart Malaysia

Ahmad Rabihul Zulfahri
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

“Saya sudah lama meminati selam skuba dan akhirnya hasrat untuk menyertai aktiviti ini tercapai apabila Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyediakan kursus selam skuba untuk golongan orang kurang upaya (OKU),” kata Nur Damia Irsalina Daeng Malis, 10.

Kanak-kanak istimewa itu antara kanak-kanak OKU yang menyertai Program Selam Skuba Golongan OKU UMT dan Diveheart Malaysia.

Damia atau lebih mesra dipanggil Kalk Nik berkata, sebelum ini dia menyertai kelas renang selama setahun sebelum menyatakan minat kepada ibunya, Rosnaini Mohamad, 39, mengenai hasratnya untuk terbabit da-

lam aktiviti selam skuba. “Hasrat saya menyertai aktiviti selam skuba itu agak sukar sebelum ini kerana ketiadaan kursus selam skuba dianjurkan untuk OKU di negara ini, tetapi apabila UMT bersama Diveheart Malaysia mengambil inisiatif menyediakan kursus itu, saya berpeluang meraih pengalaman menyelam.”

“Banyak manfaat mengikuti kursus berenang selama setahun termasuk sebagai terapi untuk seluruh anggota badan bermasalah. Saya berasa yakin selam skuba boleh memberikan kesan yang lebih positif kepada diri,” kata murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Telemong, Kuala Berang itu.

Sebelum ini, kisah Nur Damia yang dilahirkan cacat kedua-dua kaki dan tangan

gigih menimba ilmu pernah disiarkan Harian Metro pada 2 Januari lalu.

Walaupun terdapat kekurangan pada dirinya, kanak-kanak yang bercita-cita menjadi doktor itu mendapat perhatian orang ramai apabila mampu menulis dengan kaki.

Menurutnya, dia kini boleh berdikar seperti murid normal yang lain di sekolah dan berasa bertuah kerana semua rakannya memberikan sokongan dan bantuan kepadanya.

“Sebelum ini, ibu perlu menunggu saya di sekolah tetapi kini ibu tidak perlu menemani dan memantau saya di sekolah. Rakan dan guru juga banyak membantunya.”

“Mereka langsung tidak membezakan saya dan me-



PESEERTA OKU Rival Faisal Mohamed Kandar, 34, (tengah) dibantu kakitangan skuba untuk menyelam di Pusat Selam dan Rekreasi, UMT.

layan saya seperti pelajar normal yang lain,” katanya. Sementara itu, Rosnaini berharap anaknya lebih yakin dan bermotivasi tinggi seperti idolanya iaitu pakar motivasi terkenal dari Australia, Nick Vujicic.

Sementara itu, Naib Canselor UMT Prof Datuk Dr Nor

Alieni Mokhtar berkata, program berkenaan bertujuan memberi peluang kepada OKU di negara ini mengikuti aktiviti terbabit. “Kami teruja kerana UMT menjadi pelopor kepada program seumpamanya di negara ini melalui kerjasama Diveheart Malaysia,” katanya.

FAKTA
Kisah Nur Damia yang dilahirkan cacat kedua-dua kaki dan tangan pernah disiarkan Harian Metro